

PM yakin harga minyak kita akan naik lagi

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin harga minyak mentah Malaysia yang dikenali sebagai minyak manis akan naik lebih tinggi dari harga yang ditetapkan oleh Organisasi Negara Pengeksport Minyak (OPEC), tidak lama lagi.

Bellau juga memberitahu Dewan Rakyat hari ini, Petronas memperoleh lebih kurang \$4,000 juta dari hasil eksport minyak mentah dari Januari hingga Ogos tahun ini. Hasil tersebut, katanya, berdasar kepada pengeluaran minyak mentah Petronas pada kadar 250,000 tong sehari.

Selanjutnya, Perdana Menteri mem-

beritahu Dewan sewaktu soal-jawab, oleh kerana kejatuhan harga minyak di pasaran dunia, harga eksport minyak Malaysia menjadi kurang.

Keadaan demikian, tambahnya, mengurangkan pendapatan pertukaran asing negara sebanyak lebih kurang \$800 juta.

Bagaimanapun, perkembangan dalam pasaran minyak antarabangsa ini tidak mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara yang sentiasa kukuh sebagaimana ditegaskan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawannya baru-baru ini, katanya.

Perdana Menteri menghuraikan perkara ini sewaktu men-

jawab soalan Haji Amping Puyon (BN-Labuk Sugut) yang ingin tahu mengenai hasil jualan minyak negara tahun ini dan sama ada kejatuhan harga minyak di pasaran dunia menjejaskan ekonomi Malaysia.

Kepada soalan tambahan Datuk Haji Abu Bakar Umar (Pas-Kota Setar), sama ada kerajaan akan menaikkan harga minyak berikutan keputusan OPEC berbuat demikian seperti yang dilaporkan semalam, Perdana Menteri berkata:

"Harga minyak Malaysia biasanya dijual dengan harga lebih tinggi dari yang ditetapkan oleh OPEC.

"Oleh kerana minyak Malaysia dikenali sebagai minyak manis, kalau harga minyak OPEC naik pada paras AS\$34 setong dari AS\$32

setong yang dijual oleh Arab Saudi, saya yakin harga minyak kita juga akan naik."

Terdahulu dari itu, sewaktu menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Petaling), Perdana Menteri menjelaskan, dasar pengurangan pengeluaran minyak yang dilaksanakan oleh Petronas adalah rancangan sebuah kerajaan yang terdiri dari manusia biasa yang mana kadangkala keadaan berubah dan kita tidak boleh berpegang kepada satu-satu dasar sehingga kita tidak boleh bergerak sama seakali.

Berubah

Encik Lim bertanya mengapakah kerajaan mengarahkan Petronas menambatkan pengeluaran hariannya melebihi dari yang ditetapkan oleh dasar pengeluaran.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, harga bahan mentah negara lain turun sejak beberapa bulan lalu dan untuk meningkatkan pendapatan negara, Malaysia terpaksa mengarah Petronas membuat pengeluaran harian yang lebih.

Meningkat

"Walaupun demikian, arahan ini tidak bermakna pengeluaran harian akan melebihi pengeluaran harian pada satu ketika dulu.

"Dengan lain perkataan, pada satu ketika dulu kita mengeluarkan lebih 300,000 tong minyak mentah sehari dan kita kurangkan kepada 270,000 tong sehari.

"Sekarang cuma 240,000 atau 250,000 tong sehari dan kalau kita menambah sebanyak 5,000 tong sehari, tambahan pengeluaran ini cuma meningkat kepada 290,000 tong sahaja sehari.

"Angka pengeluaran ini adalah kurang dari apa yang biasa dikeluarkan sebelum ini," katanya.